

Jurang pelajar ketara

Beberapa usaha, langkah atasi masalah diambil secara berperingkat

KINABATANGAN - Berdasarkan keputusan peperiksaan SPM 2009 yang diumumkan semalam, jurang perbezaan pencapaian pelajar bandar dan luar bandar dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun lalu masih ketara.

Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, beberapa usaha dan langkah sedang diambil bagi mengurangkan dan seterusnya mengatasi jurang berkenaan secara berperingkat.

"Kita akan mengambil perhatian supaya jurang tersebut tidak terus meluas," katanya selepas menyampaikan sumbangan kepada mangsa-mangsa banjir di SK Bukit Garam, di sini, semalam.

Muhyiddin yang juga



● Muhyiddin diiringi Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Musa Aman bersalaman dengan penerima sumbangan banjir selepas menyampaikan sumbangan banjir kepada mangsa banjir di SK Bukit Garam, semalam.

Menteri Pelajaran berkata, selain soal jurang perbezaan pencapaian keseluruhan antara pelajar bandar dan luar bandar, pencapaian pelajar bandar dan luar bandar dalam mata pelajaran tertentu serta bilangan pelajar wanita yang lazimnya lebih ramai cemerlang berbanding lelaki turut diberi perhatian oleh kementerian.

Katanya antara langkah-langkah yang sedang diambil bagi menangani masalah berkenaan ialah menempatkan guru-guru

terbaik termasuk di luar bandar.

"Minggu lalu, saya umumkan kita akan laksanakan satu sistem penempatan guru di mana setiap guru sepatutnya bersedia berkhidmat di kawasan luar bandar," katanya.

"Perbezaan infrastruktur dan kemudahan sekolah bandar dan luar bandar yang masih wujud sehingga menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran juga akan diambil kira bagi mengatasi masalah itu," katanya.

Mengenai pengurangan bajet untuk Kementerian itu, Muhyiddin berkata, ia berlaku kepada semua Kementerian.

Muhyiddin juga mengingatkan, dalam situasi ekonomi sekarang, pihak pengurusan sekolah perlu berjimat cermat dalam soal penggunaan air dan elektrik.

"Kalau boleh, kurangkan 10 hingga 20 peratus daripada biasa, bukan kita potong bajet, cuma bagi menyelamatkan banyak wang kita," katanya. - Bernama